



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (044-054)

Tinjauan Literatur Bersistematik: Kajian Retorik Kepimpinan di Malaysia

¹Hariri Ali Imran, ²Nasihah Hashim & ³Maizatul Azura Yahya

¹m_hariri_ali@ahsgs.uum.edu.my, ²h.nasihah@uum.edu.my & ³maizatul@uum.edu.my

^{1,2,3}Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

Tarikh terima : 10 April 2025
Received
 Terima untuk diterbitkan : 28 September 2025
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Pemimpin berkarisma berkait rapat dengan kemampuan atau keupayaan pemimpin untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Komunikasi yang berkesan bukan sekadar wujud melalui keupayaan berucap, malah perlu diadun dengan kepelbagaian bahasa retorik bagi mempengaruhi pemikiran dan tindakan masyarakat atau rakyat dalam negara khususnya. Tinjauan literatur bersistematik ini bertujuan meneliti dengan lebih sistematik terhadap kajian lepas mengenai retorik kepimpinan di Malaysia berpandukan kepada protokol *PRISMA*. Tinjauan ini menyasarkan artikel jurnal yang diterbitkan dalam tempoh tahun 2020-2024 menerusi dua pangkalan data iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. Hasil pencarian, penapisan, semakan dan penilaian yang dibuat, sejumlah 9 artikel telah layak dipilih untuk disintesis. Tinjauan mendapati kajian retorik kepimpinan di Malaysia lebih tertumpu kepada penggunaan teori pemujukan oleh Aristotle (1984) iaitu *ethos*, *pathos* dan *logos*. Penggunaan Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993) juga agak popular dalam kajian retorik kepimpinan dan hanya satu kajian lepas yang memanfaatkan Strategi retorik Idris Aman (2006). Selain itu, tinjauan ini juga tidak hanya memaparkan penggunaan teori yang popular dalam kajian retorik kepimpinan di Malaysia pada masa kini, malah turut mencadangkan teori retorik yang wajar digunakan oleh pengkaji seterusnya. Dari segi pemilihan data, kajian lepas banyak tertumpu kepada data berbentuk digital menerusi ucapan yang disampaikan oleh pemimpin negara seperti Perdana Menteri dan sultan. Tinjauan ini juga menghuraikan penggunaan data kajian terkini dan seterusnya mencadangkan penggunaan data lain yang wajar diteliti oleh pengkaji masa hadapan. Tinjauan ini diharap mampu memberi pendedahan dan membuka banyak peluang kepada pengkaji masa hadapan untuk membincangkan dengan lebih meluas berkenaan kajian retorik kepimpinan di Malaysia.

Kata kunci: retorik, pemimpin, retorik kepimpinan, komunikasi, tinjauan literatur bersistematik.

Systematic Literature Review: A Study of Leadership Rhetoric in Malaysia

Abstract

Charismatic leaders are closely related to the leader's capability or ability to communicate with the community. Effective communication does not just exist through the ability to speak, but rather needs to be mixed with a variety of rhetorical language to influence the thoughts and actions of the community or people in the country in particular. This analysis aims to examine more systematically the past research on leadership rhetoric in Malaysia based on the *PRISMA* protocol. This survey selects journal articles published in 2020-2024 through two databases, namely *Scopus* and *Google Scholar*. As a result of screening, review and evaluation, a total of 9 articles were eligible to be selected for synthesis. The survey found that the study of leadership rhetoric in Malaysia is more focused on the use of persuasion theory by Aristotle (1984) namely *ethos*, *pathos* and *logos*. The use of Modern Rhetoric Theory by Enos and Brown (1993) is also quite popular in the study of leadership rhetoric and only one past study that utilizes the rhetorical strategy of Idris Aman (2006). In addition, this survey also not only displays the use of popular theories in the study of leadership rhetoric in Malaysia today, but also suggests

rhetorical theories that should be used by subsequent researchers. In terms of data selection, previous studies have focused on digital data through speeches delivered by national leaders such as prime ministers and sultans. This review also describes the use of data in recent studies and further suggests the use of other data that should be examined by future researchers. It is hoped that this survey will be able to provide exposure and open up many opportunities for future researchers to discuss more broadly about the study of leadership rhetoric in Malaysia.

Keywords: *rhetoric, Leadership, rhetoric of Leadership, Communication, Systematis literature review*

1. Pengenalan

Kepimpinan menurut perbendaharaan Islam merangkumi istilah seperti *al-Khalifah*, *al-Sultan*, *al-Imam*, *al-Malik*, *al-Amir*, *al-Wazir*, *waliyyul amr* atau *ulil amri*. Pemimpin adalah tonggak utama yang bertanggungjawab terhadap kemajuan sesebuah bangsa (Fuad Ibrahim, 2024). Kebanyakan negara maju mempunyai pemimpin yang berkarisma dan berketerampilan dalam segenap aspek termasuk komunikasi. Kemahiran berkomunikasi amat penting untuk pemimpin menyampaikan maklumat atau arahan kepada rakyat. Pemimpin yang mempunyai keterampilan berucap atau berkomunikasi yang baik tentunya mampu mempengaruhi pemikiran dan tindakan audiens untuk sentiasa menyokong kepimpinannya (Farah Hanini Abdul Rahman et al. 2022).

Keterampilan berucap di hadapan khalayak seharusnya dikuasai oleh pemimpin di seluruh dunia termasuk Malaysia. Pemimpin yang mahir berucap tentunya akan dapat menyampaikan buah fikiran dan hala tuju kepemimpinannya dengan kaedah komunikasi yang lebih berkesan. Komunikasi yang berkesan antara pemimpin dengan rakyat amat penting untuk mengelakkan konflik dan menjamin kesejahteraan negara (Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim, 2022). Justeru, keterampilan berkenaan harus berstrategi dan mempunyai elemen tertentu yang berpotensi untuk memastikan maklumat, arahan dan saranan tertentu daripada pemimpin dapat dihadap dengan sebaik mungkin oleh masyarakat. Oleh hal yang demikian, penggunaan retorik dilihat berpotensi untuk mempengaruhi persepsi, pemikiran dan tingkah laku audiens (Farah Hanini Abdul Rahman et al. 2022) dan sangat berpengaruh dalam memastikan komunikasi kepimpinan dalam sesebuah organisasi atau negara dapat diterajui dengan lebih berkesan (Nordiana Hamzah et al. 2023).

2. Tinjauan Literatur

Kajian retorik kepimpinan sudah mula diterokai oleh pengkaji lepas dari dalam dan luar negara. Berdasarkan tinjauan yang dibuat, perkembangan kajian retorik kepimpinan di Malaysia dilihat masih terhad (Muhammad Faizul Abd Hamid et al. 2022). Oleh itu, kajian-kajian lepas mengenainya perlu ditinjau dan dibincangkan secara sistematik agar paparan corak kajian lepas dapat dikenal pasti dengan lebih jelas. Tinjauan literatur bersistematik ini perlu melalui beberapa prosedur yang telus, teratur dan boleh diguna pakai bagi mengenal pasti dan mensintesis kajian atau artikel berkaitan secara menyeluruh (Sarah Nur Najwa dan Maslida Yusof, 2022). Selain itu, tinjauan ini juga mewajibkan setiap kajian atau artikel terpilih melalui satu proses yang telah ditetapkan berpandukan kepada protokol tertentu. Analisis menerusi protokol tersebut akan dibincangkan dalam metodologi kajian mengikut kesesuaian kaedah yang dipilih. Hasil analisis berkenaan akan membantu pengkaji untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan dan pada masa yang sama mengenal pasti jurang atau lompong penyelidikan terkini yang masih boleh diterokai dengan lebih mendalam dan terperinci oleh pengkaji seterusnya.

Tinjauan literatur bersistematik terhadap kajian retorik kepimpinan di Malaysia dilihat masih mempunyai kelompongan dari segi penghimpunan kajian lepas yang lebih teratur dan bersistematik. Oleh itu, tinjauan ini menfokuskan kepada kajian lepas yang membincangkan berkenaan perkara tersebut berlandaskan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Tinjauan ini pada akhirnya akan membuka ruang kepada pengkaji masa hadapan untuk membincangkan dengan lebih meluas dan mendalam berkenaan kajian retorik kepimpinan di Malaysia. Persoalan yang bakal dibangkitkan dalam tinjauan ini adalah seperti berikut:

- i. Teori apakah yang diaplikasikan dalam kajian retorik kepimpinan di Malaysia?
- ii. Apakah platform yang dipilih sebagai sumber pemerolehan data?

Justeru, tinjauan ini akan mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan kerangka teori dan sumber pemerolehan data yang diterjemahkan dalam kajian lepas berpandukan tatakaedah tinjauan literatur bersistematik yang telah ditetapkan. Di samping itu, tinjauan ini juga akan turut membantu pengkaji seterusnya untuk mengenal pasti dan mengembangkan lagi kajian retorik kepimpinan berdasarkan kepelbagaian kerangka teori dan sumber data yang lebih sesuai dan relevan.

3. Metodologi

Prosedur himpunan artikel atau kajian lepas dalam tinjauan literatur bersistematik harus mendasari beberapa garis panduan atau protokol bagi memastikan pemilihan data yang tepat, relevan dan tidak bias. *Protokol Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA)* oleh Moher et al. (2009) sesuai digunakan dalam tinjauan literatur bersistematik ini kerana diyakini boleh menjadi sandaran dalam bidang yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu (Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. 2020). Protokol *PRISMA* dipilih sebagai garis panduan dalam pengumpulan artikel ini untuk memastikan hasil maklumat daripada kajian lepas berkualiti dan sistematik. *PRISMA* mampu mengawal pencarian artikel yang lebih berkualiti melalui kriteria yang terdiri daripada pengenalpastian (*identification*), penerimaan dan penolakan artikel (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan penilaian artikel berkualiti (*included*). Kesemua artikel yang ditemui perlu melepasi penilaian kriteria tersebut untuk memastikan keperluan dan persoalan tinjauan literatur bersistematik ini terjawab.

Pengenalpastian

Proses pengenalpastian artikel kajian lepas yang relevan dengan tinjauan ini harus dimanfaatkan dengan kata kunci yang pelbagai. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020) artikel yang relevan mampu diperoleh dengan kaedah pencarian artikel yang melibatkan kata kunci pelbagai, bersinonim dan berkaitan. Berdasarkan persoalan kajian yang dibentuk, terdapat 14 kata kunci yang digunakan seperti *retorik*, *rhetoric*, *ethos*, *pathos*, *logos*, *kepimpinan*, *leader*, *pemimpin*, *pemerintah*, *presiden*, *Perdana Menteri*, *raja*, *sultan* dan *Malaysia* seperti dalam jadual 1 di bawah.

Tinjauan ini hanya memfokuskan kepada dua pangkalan data iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. Menurut Durach et al. (2017), proses pencarian artikel terhadap dua pangkalan data sudah memadai untuk mengelakkan bias dalam tinjauan literatur bersistematik. Pangkalan data *Scopus* dipilih sebagai medium pencarian artikel lepas kerana pangkalan tersebut mampu menjana sebanyak 60.8% artikel dalam pangkalan data (Bates et al. 2017). Walau bagaimanapun, carian artikel retorik kepimpinan di Malaysia menerusi pangkalan data *Scopus* adalah yang paling sedikit kerana *Scopus* didominasi lebih 80% penerbitan artikel daripada pengkaji Barat (Zamimah Osman dan Nuraini Yusoff, 2020). Rentetan carian artikel diteruskan di pangkalan data *Google Scholar* untuk menambah hasil carian kajian lepas.

Jadual 1

Hasil carian tanpa saringan

Pangkalan data	Kata kunci	Jumlah artikel ditemui
Scopus	TITLE-ABS-KEY(("retorik" OR "rhetoric" OR "ethos" OR "pathos" OR "logos") AND ("kepimpinan" OR "pemimpin" OR "leader" OR "prime minister" OR "pemerintah" OR "presiden" OR "perdana Menteri" OR "raja" OR "sultan") AND (Malaysia))	32
Google Scholar	("retorik" OR "rhetoric" OR "ethos" OR "pathos" OR "logos") AND ("kepimpinan" OR "pemimpin" OR "leader" OR "prime minister" OR "pemerintah" OR "presiden" OR "perdana menteri" OR "raja" OR "sultan") Malaysia	18000

Pencarian artikel dibuat berpandukan kepada kata kunci yang telah dinyatakan menemui sebanyak (n=32) artikel di pangkalan data *Scopus* dan (n=18000) artikel di *Google Scholar*. Carian ini hanya memfokuskan kajian lepas mengenai retorik kepimpinan di Malaysia sahaja selaras dengan penerimaan kriteria kajian dalam jadual 2 di bawah.

Penerimaan dan Penolakan Artikel

Hasil carian artikel yang melalui kriteria pengenalpastian masih menjumlahkan bilangan artikel yang belum ditapis kualitinya. Maka, proses penerimaan dan penolakan artikel dilakukan bagi mendapatkan jumlah artikel yang paling relevan dan menyingkirkan artikel yang tidak berkaitan. Penerimaan dan penolakan artikel mengikut kriteria yang telah ditetapkan telah dipaparkan secara ringkas dalam jadual 2 di bawah.

Kriteria seperti tempoh penerbitan penting untuk memastikan analisis tinjauan ini bergerak selari dengan arus perkembangan kajian terkini. Selain itu, tinjauan ini hanya menfokuskan kepada jenis penerbitan artikel jurnal dan skop kajian di Malaysia. Hal ini disebabkan kajian bidang retorik di Malaysia popular seperti politik, agama, sastera dan lain-lain (Mazlan Abu Bakar dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2016). Oleh itu, tinjauan ini hanya membincangkan berkenaan kajian retorik kepimpinan. Akhir sekali, tinjauan ini hanya memberi tumpuan kepada artikel yang boleh diakses.

Kriteria yang dinyatakan dalam jadual 2 penting untuk memastikan artikel yang dipilih adalah relevan dari segi perkaitan, kualiti dan kuantitinya dalam tinjauan ini. Penapisan artikel secara automatik melalui kedua-dua pangkalan data tersebut melibatkan jenis penerbitan dan garis masa. Tapisan berkenaan menunjukkan jumlah artikel di pangkalan data *Scopus* sebanyak (n=8) dan *Google Scholar* (n=17129).

Jadual 2

Kriteria penerimaan dan penolakan artikel

Kriteria	Penolakan	Penerimaan
Tempoh penerbitan	2019 ke bawah	2020 hingga 2024
Jenis penerbitan	Selain artikel jurnal	Artikel jurnal
Negara	Luar Malaysia	Malaysia
Bidang	Selain kajian retorik kepimpinan	Kajian retorik kepimpinan
Akses	Tidak boleh diakses	Boleh diakses

Kelayakan dan Penilaian Artikel Berkualiti


Proses saringan artikel yang relevan dengan objektif kajian diteruskan menerusi kaedah secara manual bagi memastikan artikel yang diperoleh mencapai tahap kualiti yang paling memuaskan. Saringan secara manual diteruskan dengan membuat semakan dan bacaan terhadap artikel yang melepasi tahap tapisan secara automatik. Artikel yang didapati tidak mempunyai kaitan dengan kajian retorik kepimpinan di Malaysia dan tidak boleh diakses akan terus disingkirkan. Proses saringan artikel di pangkalan data *Scopus* dibuat secara menyeluruh dengan meneliti tajuk, abstrak dan kata kunci bagi setiap artikel terpilih. Manakala proses saringan di pangkalan data *Google Scholar* diteliti sepenuhnya sehingga halaman 100 menggunakan kata kunci dan kriteria yang telah ditetapkan.

Hasil daripada semua proses saringan tersebut, tinjauan ini mendapati sebanyak (n=14) artikel layak untuk disintesis. Artikel berkenaan akan melalui proses penilaian kualiti daripada tiga orang penyemak yang terdiri daripada ahli kumpulan penyelidik ini sendiri. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2021), proses semakan artikel paling kurang harus diwakili oleh dua penyemak berdasarkan tema yang telah dipersetujui. Hasil semakan menunjukkan (n=9) artikel layak untuk disintesis secara kualitatif dalam tinjauan literatur bersistematik ini.

Jadual 3*Artikel yang layak disintesis*

Penulis	Teori retorik	Platform pemerolehan data
Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini (2021).	Teori retorik Aristotle (1984) <i>Logos, Ethos dan Pathos.</i>	Artifak kajian lepas
Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi & Adlina Ab. Halim (2022).	Strategi retorik Idris Aman (2006).	Laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia
Farah Hanini Abdul Rahman, Midiyana Mohamad & Saliza Ismail (2022).	Teori retorik Aristotle (1984) <i>Logos, Ethos dan Pathos.</i>	Laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia
Siti Marina Kamil, Nyun-Chow Chai & Su-Hie Ting (2022).	Teori retorik Aristotle (1984) <i>Logos, Ethos dan Pathos.</i>	Youtube
Hussin, M., & Yahaya, S. R. (2022).	Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993).	Laman sesawang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Negeri Perak
Abdul Muati @ Zamri Ahmad, Shahrill Ramli @ Romli, Moniza Waheed & Hamisah Hasan (2022).	Teori retorik Aristotle (1984) <i>Ethos.</i>	Petikan artikel <i>The Edge Market's</i>
Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzllah Zaini & Rohaya Md. Ali (2023).	Teori retorik Aristotle (1984) <i>Logos, Ethos dan Pathos.</i>	Novel
Mohd Syafiq Zunaidi & Yabit Alas (2023).	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993).	Tiktok
Syaza Fuhat & Juliana Abdul Wahab (2024).	Teori retorik Aristotle (1984) <i>Logos, Ethos dan Pathos.</i>	ASTRO Awani

Proses pemilihan artikel yang diterangkan sebelum ini dipaparkan secara ringkas dalam rajah 1 di bawah untuk gambaran yang lebih jelas. Rajah 1 di bawah diadaptasi menerusi carta aliran *PRISMA* oleh Moher et al. (2009) berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam tinjauan ini.

Rajah 1*Carta Alir PRISMA***4. Hasil Kajian**

Hasil tinjauan ini mendapati terdapat dua tema utama untuk diuraikan iaitu jenis teori yang digunakan dan platform pemerolehan data. Kedua-dua tema tersebut akan diuraikan berdasarkan maklumat yang diperoleh dalam kesemua artikel lepas yang terpilih bagi menjawab persoalan kajian. Dari segi penggunaan teori, tinjauan ini bukan sekadar memaparkan teori-teori yang telah dimanfaatkan dalam kajian sebelumnya, malah mencadangkan teori-teori lain yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian seterusnya. Dominasi dan kepelbagaian penggunaan teori tertentu dalam kajian sebelum ini mampu memberi gambaran jelas kepada pengkaji seterusnya untuk membuat pertimbangan dari segi pemilihan teori yang paling tepat dan relevan untuk kajian akan datang. Dari segi pemerolehan data, tinjauan ini telah mengenal pasti platform yang menjadi sasaran utama kajian lepas dan juga mencadangkan platform yang sesuai dan relevan untuk kajian seterusnya mengenai retorik kepimpinan di Malaysia. Kedua-dua tema yang telah diuraikan diharap mampu memberi idea dan gambaran yang jelas terhadap perkembangan kajian retorik kepimpinan di Malaysia.

Kerangka Teori Retorik Dalam Penyelidikan Lepas

Tinjauan ini mendapati bahawa pengkaji lepas telah mengaplikasikan pelbagai teori bagi membincangkan mengenai retorik kepimpinan di Malaysia. Sesebuah penyelidikan amat penting untuk meningkatkan pemahaman terhadap fenomena yang dikaji berdasarkan kepada proses sistematik dalam mengenal pasti dan menganalisis maklumat berkaitan (Rusydiah Abd Salam dan Maslida Yusof, 2023). Selain itu, teori pula berperanan sebagai kayu ukur dalam sesebuah kajian untuk menjelaskan secara terperinci mengenai fenomena yang dikaji (Othman Lebar, 2021). Berdasarkan semua kajian lepas yang terpilih, terdapat tiga kerangka teori yang telah dimanfaatkan oleh pengkaji lepas iaitu *logos*, *ethos* dan *pathos* oleh Aristotle (1984), Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993) dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006).

Hasil kajian menunjukkan kerangka teori *Logos*, *Ethos* dan *Pathos* oleh Aristotle (1984) adalah yang paling banyak digunakan oleh pengkaji lepas misalnya kajian Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Aini. (2021), Farah Hanini Abdul Rahman, Midiyana Mohamad dan Saliza Ismail. (2022), Siti Marina Kamil, Nyun-Chow Chai dan Su-Hie Ting. (2022), Nordiana Hamzah et al. (2023) dan Syaza Fuhah dan Juliana Abdul Wahab (2024). Hanya kajian Abdul Muati @ Zamri Ahmad (2022) yang menumpukan kepada penggunaan *ethos*. Secara keseluruhannya, semua kajian tersebut tertumpu kepada strategi retorik menerusi kaedah pemujukan yang digunakan oleh pemimpin untuk mempengaruhi pemikiran, emosi, persepsi dan tindakan rakyat. Dominasi penggunaan teori tersebut secara tidak langsung memaparkan perkaitan yang kuat antara ciri kepimpinan dengan *logos*, *ethos* dan *pathos*.

Terdapat dua kajian yang menggunakan Teori Retorik Moden iaitu kajian oleh Mohamad Hussin dan Samsur Rijal Yahaya (2022) dan Mohd Syafiq Zunaidi dan Yabit Alas (2023). Teori yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993) ini terbentuk menerusi penambahbaikan teori retorik klasik. Menurut Cleanth dan Robert (1979), Teori Retorik Moden dapat dikategorikan kepada lima teknik iaitu pengujahan (argument), pendedahan (exposition), penerangan (description), pemujukan (persuasion), dan penceritaan (narration). Kedua-dua kajian tersebut menghuraikan keberkesanan penggunaan teori retorik moden dalam komunikasi antara pemimpin dengan masyarakat. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa pemimpin yang mahir beretorik mampu merapatkan lagi hubungan dengan rakyat.

Seterusnya, tinjauan ini mendapati hanya kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) yang memanfaatkan strategi retorik Idris Aman (2006) sebagai kerangka teori kajian retorik kepimpinan di Malaysia. Menurut Idris Aman (2006) strategi retorik melibatkan bentuk jalinan beberapa jenis teks seperti wacana, genre atau gaya untuk membentuk kesan tertentu terhadap penghasilan teks baru. Menurutnya lagi strategi retorik berkenaan dikategorikan kepada lima jenis iaitu argumentatif, ekspositori, eksplanatori, ekspresif dan naratif. Melalui tinjauan ini, kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) telah menghuraikan keberkesanan strategi retorik yang digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyampaikan segala maklumat penting kepada masyarakat.

Teori retorik seperti *logos*, *ethos* dan *pathos* oleh Aristotle (1984), Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006) dilihat telah mendominasi kajian retorik kepimpinan di Malaysia pada masa kini, namun kajian retorik kepimpinan di Malaysia tidak hanya terbatas kepada penggunaan teori tersebut, mungkin ia wajar diteliti dari pelbagai aspek teori retorik yang lain misalnya retorik al-Quran, prinsip retorik Aristotle (1984), retorik persuasif oleh Hunt (1992), jenis retorik oleh Brooks dan Warren (1979), ilmu retorik Melayu oleh Za'ba (1965), kaedah retorik oleh Asmah Omar (2016), Teori Prinsip Kerjasama Grice (2001), retorik visual oleh Sonja K. Foss (2004), teori retorik oleh Kenneth Burke (1950), gaya retorik oleh Cobbett dan Connors (1999) dan sebagainya.

Platform Pemerolehan Data

Kajian retorik kini berada dalam skop yang lebih luas ekoran daripada perkembangan teknologi media digital atau elektronik dalam dunia komunikasi. Perkembangan tersebut telah membuka medan perkongsian maklumat yang mencambahkan lagi kepelbagaian sumber data untuk pelbagai kajian bahasa termasuk retorik. Dapatan kajian mendapati bahawa sumber data dalam artikel terpilih tertumpu kepada pelbagai sumber data misalnya dalam bentuk platform digital, manuskrip dan lain-lain. Tinjauan ini diharap dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memilih kepelbagaian sumber data yang relevan untuk diteroka khususnya dalam bidang retorik kepimpinan di Malaysia.

Hasil tinjauan mendapati kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022), Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2022), Siti Marina Kamil et al. (2022), Abdul Muati @ Zamri Ahmad et al. (2022), Mohd Syafiq Zunaidi dan Yabit Alas (2023) dan Syaza Fuhah dan Juliana Abdul Wahab (2024) telah memberi tumpuan terhadap sumber data daripada platform digital. Kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) dan Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2022) memperoleh data digital daripada laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia (PMO). Manakala kajian Mohamad Hussin dan Samsur Rijal Yahaya (2022) pula menjadikan laman sesawang Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Negeri Perak sebagai sumber data. Selain itu, sumber data digital dalam bentuk video juga menjadi salah satu sumber pemerolehan data dalam kajian retorik di Malaysia. Siti Marina Kamil et al. (2022) memilih platform *Youtube* sebagai sumber data video. Mohd Syafiq Zunaidi dan Yabit Alas

(2023) pula memilih platform *Tiktok* manakala Syaza Fuhat dan Juliana Abdul Wahab (2024) memilih platform *ASTRO Awani*. Dalam pada itu, kajian Abdul Muati @ Zamri Ahmad et al. (2022) memperoleh sumber data digital daripada laman sesawang *The Edge Market's*.

Hanya kajian Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Aini (2021) yang tidak menyatakan secara terperinci platform sumber data yang diperoleh, namun kajian tersebut ada menyatakan bahawa sumber data diambil daripada artifak kajian lepas. Akhir sekali, hanya kajian Nordiana Hamzah et al., (2023) yang memilih novel sebagai sumber data kajian retorik kepimpinan di Malaysia. Dominasi pemerolehan sumber data dari platform digital dalam kajian lepas iaitu sebanyak tujuh dari sembilan artikel terpilih telah membuktikan kerelevanan sumber data digital dalam bidang kajian retorik. Walau bagaimanapun, dominasi berkenaan tidak semestinya menjadikan sumber data daripada platform digital adalah pilihan yang terbaik untuk kajian masa kini dan seterusnya. Ia masih bergantung kepada kesesuaian dan keperluan kajian untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Justeru, tinjauan ini diharap dapat membuka jalan mudah kepada pengkaji seterusnya untuk memilih sumber data yang lebih tepat, sesuai dan relevan dengan kajian yang bakal dipersembahkan khususnya mengenai bidang bahasa retorik kepimpinan di Malaysia.

4.1 Perbincangan

Berdasarkan sudut perbincangan yang telah diutarakan dalam tinjauan ini, perkembangan kajian retorik kepimpinan di Malaysia dapat dilihat secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kajian retorik kepimpinan di Malaysia terkini masih kurang dibincangkan dan memerlukan lebih banyak penambahan daripada pengkaji seterusnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui jumlah kajian retorik kepimpinan dalam tinjauan ini. Akan tetapi, kesemua kajian tersebut paling tidak sudah dapat memberi nilai tambah terhadap pengkajian sedia ada. Kajian retorik kepimpinan di Malaysia diharap sentiasa berkembang dan tidak terbatas terhadap pihak atau para pemimpin negara sahaja, malah boleh diketengahkan kepada individu-individu tertentu yang mempunyai pengaruh besar dalam sesebuah organisasi atau institusi tertentu.

Kajian retorik kepimpinan tentunya tidak hanya terbatas kepada pengkajian di Malaysia sahaja. Tidak dinafikan bahawa kajian retorik kepimpinan telah berkembang pesat dan banyak dibincangkan oleh pengkaji luar negara misalnya kajian oleh Dewi Hj Samri dan Haziq Aisha (2021), Alkhawaldeh (2021), Iqbal et al. (2021), Iryna Alyeksyeyeva, Olena Kaptiurova dan Vira Orlova (2021), Zulfadzlee Zulkiflee (2022), Jaradat (2022), Aisyah (2022), Ridhatul Fadhli (2024) dan lain-lain. Sungguhpun demikian, tinjauan ini hanya tertumpu kepada kajian retorik kepimpinan dalam negara. Masih banyak ruang kosong atau lompong yang boleh diisi oleh pengkaji seterusnya tidak kira dalam bentuk kajian literatur, empirikal atau seumpamanya. Justeru, tinjauan literatur bersistematik ini diharap dapat membuka peluang yang lebih luas kepada pengkaji akan datang untuk membincangkan perkara ini dengan meluas dan rinci mengenai retorik kepimpinan merentasi kajian dalam dan luar negara.

Dari segi penggunaan kerangka teori, terdapat tiga jenis teori retorik yang telah diaplikasikan menerusi sembilan kajian lepas yang terpilih antaranya teori retorik *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle (1984), Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006). Teori retorik *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle (1984) telah diterapkan dalam kajian Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Aini (2021), Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2022), Siti Marina Kamil et al. (2022), Nordiana Hamzah et al. (2023), Syaza Fuhat dan Juliana Abdul Wahab (2024) dan Abdul Muati @ Zamri Ahmad (2022). Di samping itu, kajian Mohamad Hussin dan Samsur Rijal Yahaya (2022) dan Mohd Syafiq Zunaidi dan Yabit Alas (2023) mengaplikasikan teori retorik moden oleh Enos dan Brown (1993). Hanya kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) yang memanfaatkan Strategi retorik Idris Aman (2006) sebagai kerangka teori kajian retorik kepimpinan di Malaysia.

Tinjauan ini mendapati bahawa pengaplikasian kerangka teori yang pelbagai dalam kajian lepas sebenarnya membawa matlamat yang sama iaitu untuk mempengaruhi audiens sasaran seperti penonton atau pembaca supaya berfikir dan bertindak seperti yang dihasratkan oleh penutur atau penulis. Walau bagaimanapun, kepelbagaian teori yang diterapkan dalam kajian tersebut adalah berbalik kepada kesesuaian atau kerelevanan teori dengan isu yang dikaji bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Tidak ada penetapan terhadap kerangka teori yang terbaik dalam kajian retorik kepimpinan kerana ia bergantung kepada kesesuaian dan keperluan kajian yang dijalankan. Maka, tinjauan terhadap

pemilihan kerangka teori dalam kajian lepas diharap dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memanfaatkan teori retorik yang lebih sesuai dan relevan dengan aspek yang dibincangkan khususnya berkaitan retorik kepimpinan.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, tinjauan literatur bersistematik ini meneroka kajian-kajian lepas terpilih yang berfokus tentang retorik kepimpinan di Malaysia. Pengumpulan artikel jurnal yang dilakukan secara sistematik berdasarkan protokol *PRISMA* telah meneliti secara signifikan terhadap penggunaan kerangka teori dan sumber pemerolehan data kajian retorik kepimpinan di Malaysia. Pelbagai kerangka teori retorik yang ditemui dalam penerokaan ini seperti *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle (1984), Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993) dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006). Penemuan kepelbagaian teori dalam kajian lepas mampu memberi pendedahan kepada pengkaji masa hadapan untuk membuat pemilihan teori yang paling sesuai dan relevan dalam kajian berkaitan.

Selain itu, sumber pemerolehan data yang kesemuanya dalam bentuk digital didominasi oleh laman sesawang pihak berautoriti seperti Pejabat Perdana Menteri Malaysia (PMO) dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Negeri Perak. Kemudian, disusuli pula dengan platform digital lain seperti *Youtube*, *Tiktok*, *The Edge Market's* dan *ASTRO Awani*. Pengaplikasian kerangka teori retorik dalam kajian lepas didapati telah didominasi oleh kerangka teori retorik *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle dan seterusnya diikuti oleh Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993) dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006). Tinjauan literatur bersistematik ini menunjukkan bahawa sumbangan kajian retorik kepimpinan di Malaysia tidak hanya terbatas terhadap pihak yang mempunyai kuasa dalam sistem pentadbiran negara, malah boleh turut dibincangkan mengenai kepimpinan pihak yang berpengaruh di media massa dan sebagainya. Hasil huraian dan pembincangan terhadap kajian lepas ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pengkaji seterusnya dan membuka ruang yang lebih luas untuk penerokaan kajian bahasa retorik kepimpinan di Malaysia dan luar negara.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdul Muati @ Zamri Ahmad, Shahrill Ramli @ Romli, Moniza Waheed & Hamisah Hasan. (2022). The Aristotelian ethos of Muhyiddin Yassin's prihatin (care) economic stimulus package speech. *Journal of Media and Communication Research*, 14(1), 2022, 49–62.
- Aisyah, M. (2022). *Ethos, Pathos, Logos* dan komunikasi publik: A systematic literature review. *Jurnal Darma Agung*, 30(3), 442-469.
- Alkhawaldeh, A. A. (2021). Persuasive strategies of Jordanian government in fighting covid-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1), 274-293.
- Aristotle. (1984). *The rhetoric and the poetics of Aristotle*. W. Rhys Roberts (Penterj.). Modern Library.
- Asmah Haji Omar. (2016). *Bahasa Iklan Perniagaan Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bates, J., Best, P., McQuilkin, J., & Taylor, B. (2017). Will web search engines replace bibliographic databases in the systematic identification of research?. *The Journal of Academic Librarianship*, 43(1), 8-17. <https://doi.org/10.1016/j.acalib.2016.11.003>
- Brooks, C., & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric Modern (4th ed.)*. Harcourt Brace Jovanovich, Publishers.
- Cleanth, B. & Robert, P.W. (1979). *Modern rhetoric (Fourth Edition)*. Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Corbett, E. P. J., & Connors, R. J. (1999). *A survey of rhetoric: Classical rhetoric for the modern student (4th ed.)*. New York: Oxford University Press.
- Dewi Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi covid-19 di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95-117.
- Durach, C. F., Kembro, J., & Wieland, A. (2017). A new paradigm for systematic literature reviews in supply chain management. *Journal of Supply Chain Management*, 53(4), 67-85.
- Enos, T., & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. New York: SAGE Publications.
- Faizul Abd Hamid, Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi & Adlina Ab. Halim. (2022). Modaliti dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan wabak covid19 di Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(4), 38-51.
- Farah Hanini Abdul Rahman, Midiyana Mohamad & Saliza Ismail. (2022). Wacana kepimpinan Perdana Menteri Malaysia ke-9: analisis kaedah retorik. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, 6(4), 38-56. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/76848/1/76848.pdf>
- Foss, S. K. (2004). *Rhetorical criticism: Exploration and practice*. Long Grove, III: Waveland Press.

- Fuad Ibrahim. (2024). Bayan Linnas siri ke-287: Tanggungjawab dan keutamaan seorang pemimpin. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/-artikel/bayan-linnas/5839-bayan-linnas-siri-ke-287-tanggungjawab-dan-keutamaan-seorang-pemimpin>
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. Dlm. P. Cole & A. J. Morgan (Eds.). *Syntax and semantics, Vol. 3 Speech Acts*. New York: Academic Press.
- Hariri Ali Imran & Nasihah Hashim. (2022). Retorik naratif dalam teks ucapan Perdana Menteri semasa era pandemik. *Prosiding Bahteradaya, Naradata Bahasa, Sastera dan Budaya II*, 1(1), 209-213. https://www.researchgate.net/publication/364737757_RETORIK_NARATIF_DALAM_TEKS_UCAPAN_PERDANA_MENTERI_SEMASA_ERA_PANDEMIK
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: The basic methodological guidance for beginners, *Quality & Quantity: International Journal of Methodology*, 55(4), 1319-1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Hunt, G. T.(1992). *Perucapan umum. Asiah Sarji dan mohd Nordin (Penterj.)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Hussin & Samsur Rijal Yahaya. (2022). Gaya bahasa kiasan dan retorik dalam titah Sultan Perak DYMM Sultan Nazrin Shah. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(2), 136-152.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: analisis wacana Mahathir Mohamad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iryna Alyeksyeyeva, Olena Kaptiurova & Vira Orlova. (2021). World war flu: War Rhetoric of the Australian prime minister on Coronavirus. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 27(1), 90-101. <http://doi.org/10.17576/3L-2021-2701-07>
- Iqbal, Z., Aslam, M. Z., Aslam, T., Ashraf, R., Kashif, M., & Nasir, H. (2020). Persuasive power concerning COVID-19 employed by Premier Imran Khan: A socio-political discourse analysis. *Register Journal*, 13(1), 208–230. <https://doi.org/10.18326/rgt.v13i1.208-230>
- Jaradat, M. (2022). Persuasion strategies employed by Bell Clinton and Barack Obama in their presidential nomination speeches in 1992 and 2008: A comparative study. *The Jordanian Association for Educational Sciences, Jordanian Education Journal*, 7(1), 33-54.
- Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media. *Jurnal Linguistik*. 20, 10–25.
- Mohd Syafiq Zunaidi & Yabit Alas. (2023). Penggunaan retorik dalam pengucapan ahli parlimen Malaysia Syed Saddiq semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke 15. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1(1), 48-68.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. & The PRISMA Group. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *Open Medicine.*, 3(2), 123-130.<http://dx.doi.org/10.1016/j.jclinepi.2009.06.005>
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi & Adlina Ab. Halim. (2022). Strategi retorik dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak covid-19 di Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 26 (2), 38-51.
- Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzllah Zaini & Rohaya Md. Ali. (2023). Analisis *ethos*, *pathos* dan *logos* dalam komunikasi kepemimpinan Nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 473-489.
- Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalam Dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat: Rhetoric in Preaching Da'wah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 149-158.
- Othman Lebar. (2021). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode. Edisi kedua*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ridhatul Fadhli. (2024). The art of leadership: Analysing rhetorics in the linguistic strategies of the 2020 US Presidential Election. *Jurnal Personalia Pelajar*, 27(1), 317-323. <https://doi.org/10.17576/personalia.2701.2024.42>
- Rusydiah Abd Salam & Maslida Yusof. (2023). Sorotan Literatur Bersistematik Kajian Binaan Kompleks Bahasa Melayu dari Sudut Sintaksis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 23(2), 94-118.
- Siti Marina Kamil, Nyun-Chow Chai & Su-Hie Ting. (2022). Logos, pathos and ethos in Mahathir Mohamad's speeches during his comeback as prime minister of Malaysia. *Trends in Undergraduate Research*, 5(1), 1-15.
- Syaza Fuhat & Juliana Abdul Wahab. (2024). Rhetoric on Trial: An Aristotelian Insight into Najib Razak's Corruption Case. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 24(3), 73-92.
- Zamimah Osman & Nuraini Yusoff. (2020). Pola dan potensi penerbitan Berbahasa Melayu dalam indeks Scopus. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 85-96. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.7.2020>
- Zulfadzlee Zulkiflee. (2022). Ragam bahasa komen Instagram berkaitan berita palsu situasi gelombang kedua pandemik covid-19, *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 22-32.

Biodata Penulis

Muhammad Hariri Ali Imran, merupakan pelajar PhD Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan ialah retorik bahasa Melayu.

Dr Nasihah Hashim, merupakan pensyarah kanan di Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan ialah sociolinguistik, pragmatik dan bahasa dalam komunikasi.

Dr Maizatul Azura Yahya, merupakan pensyarah kanan di Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan ialah semiotik, kajian penerbitan, kajian wacana dan komunikasi visual.